

**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



## **PERANAN TARANNUM DALAM MEMELIHARA WARISAN BAHASA DAN PERADABAN ISLAM: KAJIAN SISTEMATIK LITERATUR**

*THE ROLE OF TARANNUM IN PRESERVING THE HERITAGE OF ISLAMIC  
LANGUAGE AND CIVILIZATION: A SYSTEMATIC LITERATURE STUDY*

Mohd Shahidan Ramli<sup>1\*</sup>, Khairil Fikri Mohd Din<sup>2</sup>, Mohd Nizam Sahad<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia  
Email: mohdshahidanramli@student.usm.my

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia  
Email: khairifikri@student.usm.my

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia  
Email: nizamsahad@usm.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 18.06.2025

Revised date: 10.07.2025

Accepted date: 13.08.2025

Published date: 10.09.2025

#### To cite this document:

Ramli, M. S., Mohd Din, K. F., & Sahad, M. N. (2025). Peranan Tarannum Dalam Memelihara Warisan Bahasa Dan Peradaban Islam: Kajian Sistematis Literatur. *International Journal of Modern Education*, 7 (26), 734-753.

DOI: 10.35631/IJMOE.726049

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Tarannum merupakan seni bacaan al-Quran yang diwarisi turun-temurun dan berperanan penting dalam memelihara warisan bahasa Arab serta peradaban Islam. Namun, penguasaan tarannum dalam kalangan generasi muda semakin merosot, penekanannya dalam kurikulum formal semakin terpinggir, kajian ilmiah yang komprehensif merentasi dimensi linguistik, pendidikan dan budaya masih terhad, pendekatan pengajaran serta integrasi teknologi belum berkembang luas dan wujud risiko tarannum dilihat sekadar ritual tanpa peranan strategik dalam pembinaan jati diri umat. Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan Kajian Sistematis Literatur (Systematic Literature Review) bagi meneliti dan menganalisis secara menyeluruh peranan tarannum dalam pemeliharaan bahasa dan budaya Islam. Data dikumpulkan melalui carian literatur dari pangkalan data utama seperti Scopus, Web of Science dan Google Scholar. Pemilihan artikel dilakukan berdasarkan kriteria inklusi yang merangkumi kajian tentang tarannum, pendidikan al-Quran dan warisan budaya Islam. Artikel yang terpilih dianalisis secara naratif mengikut tema. Hasil kajian mengenal pasti empat tema utama: (i) peranan tarannum dalam memantapkan sebutan dan pemahaman bahasa Arab, (ii) tarannum sebagai warisan budaya Islam, (iii) tokoh dan institusi pelestari tarannum, dan (iv) cabaran serta inovasi semasa. Kajian ini menyimpulkan bahawa tarannum ialah medium linguistik, pendidikan dan budaya yang signifikan serta kekal relevan dalam pembinaan jati diri umat

Islam masa kini. Implikasi kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjut berkaitan aplikasi digital, pengajaran inovatif dan dokumentasi ilmu tarannum dalam kerangka pendidikan Islam kontemporari.

**Kata Kunci:**

Bahasa Arab, Bacaan Al-Quran, Pendidikan Islam, Tarannum, Warisan Budaya, Kajian Sistematis

**Abstract:**

*Tarannum*, the art of melodious Qur'anic recitation, has been inherited through generations and plays a vital role in preserving the Arabic language and Islamic civilization. However, mastery of *tarannum* among the younger generation is declining; its emphasis within formal curricula is diminishing; comprehensive scholarly research across linguistic, educational, and cultural dimensions remains limited; pedagogical innovation and technology integration are still underdeveloped; and there is a risk of *tarannum* being perceived merely as a ritual without a strategic role in shaping the Muslim identity. In response to these issues, this study adopts a Systematic Literature Review (SLR) approach to examine and analyse comprehensively the role of *tarannum* in preserving the Arabic language and Islamic cultural heritage. Data were collected from major databases such as Scopus, Web of Science, and Google Scholar. Article selection followed inclusion criteria covering studies on *tarannum*, Qur'anic education, and Islamic cultural heritage. The selected articles were analysed narratively according to thematic categorization. The findings identified four main themes: (i) the role of *tarannum* in enhancing pronunciation accuracy and comprehension of the Arabic language, (ii) *tarannum* as part of Islamic cultural heritage, (iii) the role of notable figures and institutions in sustaining *tarannum*, and (iv) contemporary challenges and innovations. The study concludes that *tarannum* serves as a significant linguistic, educational, and cultural medium, remaining relevant to the identity formation of contemporary Muslim societies. The implications of this research open opportunities for further studies on digital applications, innovative teaching approaches, and systematic documentation of *tarannum* within the framework of contemporary Islamic education.

**Keywords:**

Arabic Language, Quran Recitation, Islamic Education, Tarannum, Cultural Heritage, Systematic Study

**Pendahuluan**

Tarannum al-Quran merupakan satu bentuk seni bacaan yang memperindah lantunan wahyu Ilahi melalui susunan melodi yang tersusun dan penuh penghayatan (Hasbullah et al., 2022). Keindahan irama dan lengkok tarannum bukan sekadar manifestasi estetik suara malah membawa nilai-nilai yang mendalam dalam tradisi Islam seperti pemeliharaan bahasa Arab (Ramly & Baharudin, 2016), pembentukan rohani (Afrida, 2018) dan pelestarian warisan budaya (Panji et al., 2023). Dalam konteks sejarah, tarannum diwarisi secara turun-temurun melalui pendekatan talaqqi dan musyafahah (Norhisham bin Muhamad et al., 2019), menjadikannya salah satu daripada warisan tak ketara umat Islam yang paling bernilai. Di Malaysia dan wilayah Nusantara, seni tarannum bukan sahaja berkembang melalui majlis

tilawah dan pengajian formal tetapi juga menjadi salah satu elemen yang mengukuhkan jati diri umat Islam dalam masyarakat majmuk (Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusuf Ismail, 2015).

Namun begitu, perubahan landskap pendidikan Islam dan pengaruh modernisasi telah menimbulkan cabaran terhadap kelangsungan ilmu tarannum. Dalam era digital ini, kecenderungan terhadap pembelajaran berbentuk cepat dan berorientasikan peperiksaan menyebabkan banyak elemen warisan seperti tarannum terpinggir daripada arus perdana pendidikan (Kamarudin & Abdul Razak, 2023). Penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa perbincangan akademik mengenai tarannum sering kali terhad kepada aspek teknikal seperti struktur maqam (Nurul Auji Hasbullah et al., 2020), kaedah latihan suara (Mohamad Alwi Ab Rahman et al., 2021) atau tokoh-tokoh pengajar (Hasin, 2019). Masih belum terdapat satu kajian yang menghimpunkan secara holistik peranan tarannum dalam memelihara warisan bahasa Arab, budaya Islam dan nilai-nilai peradaban. Ketiadaan pendekatan komprehensif ini menimbulkan jurang ilmu yang signifikan dalam wacana akademik, justeru memperkuuh keperluan untuk mengadakan kajian sistematik terhadap topik ini.

Tambahan pula, penguasaan tarannum dalam kalangan generasi muda menunjukkan tanda kemerosotan (Mohamad khairul Latif et al., 2020), penekanannya dalam kurikulum formal semakin terpinggir (Norhisham bin Muhamad et al., 2019), kajian ilmiah yang menggabungkan dimensi linguistik, pendidikan dan budaya masih terhad (Nurul Auji Hasbullah et al., 2022), inovasi pedagogi serta integrasi teknologi belum berkembang luas (Nor Suziana Aziela Ahmad Mustaffa et al., 2024; Mohamed Akhiruddin Ibrahim et al., 2024; Zakaria et al., 2021), dan wujud risiko tarannum dilihat sekadar ritual tanpa peranan strategik dalam pembinaan jati diri umat Islam (Muhammad Amirullah Jasni, 2023). Ketiadaan pendekatan komprehensif ini menimbulkan jurang ilmu yang signifikan dalam wacana akademik, sekali gus mengukuhkan keperluan kepada kajian sistematik bagi menilai peranan tarannum dalam memelihara bahasa Arab, budaya Islam dan nilai peradaban secara holistik.

Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif utama. Pertama, untuk mengenal pasti dimensi-dimensi utama peranan tarannum dalam konteks bahasa, budaya dan peradaban Islam yang dibincangkan dalam literatur terdahulu. Kedua, untuk mencadangkan satu kerangka pemahaman yang komprehensif mengenai peranan tarannum sebagai elemen penting dalam pembinaan dan pemeliharaan warisan Islam. Kajian ini dijangka memberikan sumbangan yang signifikan kepada pelbagai pihak. Dari sudut dasar dan kerajaan, ia boleh menjadi asas dalam menyokong pelestarian tarannum sebagai warisan budaya tak ketara. Bagi komuniti dan institusi pendidikan, kajian ini dapat memberi panduan strategik dalam pengajaran tarannum yang berkesan. Industri kreatif Islam seperti media dakwah dan seni suara juga boleh mendapat manfaat daripada pemahaman sistematik yang ditawarkan, manakala dari segi ilmiah, kajian ini memperluaskan wacana lintas-disiplin dalam pengajaran Islam, linguistik dan budaya.

Skop kajian ini merangkumi dua puluh artikel ilmiah yang dianalisis secara sistematik dan tematik. Pemilihan artikel tertumpu kepada tulisan-tulisan yang memperincikan aspek pengajaran, ketokohan, dokumentasi dan pengaruh budaya dalam perkembangan tarannum di Malaysia dan rantau sekitarnya. Kajian ini tidak menilai secara langsung aspek teknikal maqam atau persembahan bacaan, sebaliknya menumpukan kepada pemetaan kefahaman tentang bagaimana tarannum menyumbang kepada kelestarian warisan bahasa dan peradaban Islam.

Sebagai panduan pembaca, artikel ini disusun kepada beberapa bahagian utama yang merangkumi pendahuluan, metodologi kajian, hasil analisis tematik, perbincangan serta kesimpulan dan cadangan kerangka pemahaman berdasarkan sorotan literatur yang telah dijalankan.

### Sorotan Kajian

Tarannum al-Quran, sebagai suatu bentuk seni bacaan yang berakar daripada tradisi Islam klasik, telah menjadi subjek perbincangan dalam pelbagai wacana akademik. Kajian-kajian terdahulu membuktikan bahawa tarannum bukan sahaja memberi impak terhadap aspek estetika bacaan, tetapi turut memainkan peranan besar dalam memelihara warisan bahasa Arab, memperkuuh budaya Islam dan mengekalkan kesinambungan peradaban Islam. Namun begitu, dapatan daripada 20 artikel yang dikaji secara sistematik menunjukkan bahawa sorotan literatur sedia ada masih bersifat terpecah-pecah, sama ada menumpukan pada ketokohan, struktur maqam, atau teknik bacaan dan kurang menyatakan peranan tarannum dari sudut bahasa, budaya dan identiti peradaban Islam secara menyeluruh.

Dalam artikel ini, penemuan literatur telah dikelaskan kepada empat tema utama berdasarkan analisis kandungan secara tematik, iaitu: (1) Tarannum sebagai Instrumen Pemeliharaan Bahasa Arab, (2) Tarannum dalam Konteks Budaya dan Identiti Islam, (3) Ketokohan dan Institusi sebagai Agen Pelestarian, dan (4) Cabaran dan Inovasi dalam Melestarikan Tarannum.

#### ***Tema 1: Tarannum sebagai Instrumen Pemeliharaan Bahasa Arab***

Salah satu dapatan penting dalam literatur yang dikaji ialah peranan signifikan tarannum dalam memperkuuh penguasaan dan pemahaman bahasa Arab. Seni bacaan al-Quran berlagu dengan penggunaan maqam tertentu dilihat sebagai medium yang memperhalusi aspek sebutan (makhraj), panjang pendek bacaan (mad), serta penekanan terhadap makna yang terkandung dalam ayat al-Quran. Tarannum memudahkan pelajar memahami struktur ayat al-Quran melalui irama yang bersifat memori visual dan auditori, sekali gus meningkatkan kemahiran bahasa Arab dalam konteks pengajian al-Quran (Zaki et al., 2024; Ibrahim, 2012).

Kajian turut menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara penguasaan tarannum dengan keberkesanan hafazan dan kefahaman bahasa Arab (Ramly & Baharudin, 2016; Dr. Mohamad Alwi bin Ab. Rahman et al., 2022). Dalam konteks pelajar tahfiz dan madrasah, penggunaan lagu dalam pengajaran ayat-ayat suci telah menjadi medium pembelajaran linguistik yang berkesan, bahkan menanam minat mendalam terhadap bahasa al-Quran. Hasil ini disokong pula oleh kajian yang menekankan pentingnya tarannum dalam memperkuat kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa ilmu dan ibadah dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia (Abdullah et al., 2019).

#### ***Tema 2: Tarannum dalam Konteks Budaya dan Identiti Islam***

Selain daripada dimensi linguistik, tarannum turut memainkan peranan dalam membentuk dan memelihara identiti budaya masyarakat Islam. Tarannum di Malaysia tidak hanya hidup dalam ruang tilawah rasmi seperti MTQ, malah telah menjadi satu unsur budaya masyarakat melalui pelbagai bentuk penghayatan seperti nasyid, marhaban dan qasidah. Unsur keindahan suara dan irama yang terkandung dalam tarannum sering dikaitkan dengan ekspresi kerohanian dan budaya Melayu-Islam (Anuar bin Hasin, 2020; Suryati et al., 2018).

Kajian yang membandingkan antara Malaysia dan Indonesia pula menunjukkan bahawa seni lagu al-Quran telah diadaptasi mengikut budaya lokal, menjadikan tarannum sebagai wadah perpaduan budaya yang menyatukan unsur tradisi dengan keislaman (Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusuf Ismail, 2015). Ini diperkuuhkan dengan dapatan yang menegaskan bahawa tarannum membawa nilai warisan yang penting kerana ia merupakan medium perhubungan antara masyarakat dengan al-Quran secara emosi dan rohani (Zaki et al., 2024).

Di samping itu, penglibatan masyarakat dalam program tilawah dan pengajian tarannum mencerminkan nilai warisan kolektif yang diwarisi secara turun-temurun. Sebagai contoh, majlis tilawah yang diadakan setiap tahun berfungsi sebagai platform bukan sahaja untuk pertandingan, malah sebagai mekanisme penyebaran budaya dan nilai Islam kepada masyarakat umum (Suryati et al., 2018; Anuar bin Hasin, 2020). Oleh itu, tarannum jelas menjadi alat penting dalam mengukuhkan identiti budaya Islam yang bukan hanya dilihat melalui lensa ibadah, tetapi sebagai entiti sosiobudaya yang membina peradaban.

### **Tema 3: Ketokohan dan Institusi sebagai Agen Pelestarian**

Kelangsungan ilmu tarannum tidak dapat dipisahkan daripada jasa dan peranan tokoh-tokoh besar serta institusi yang memperjuangkannya. Kajian mengenai Ustaz Che Yahaya bin Daud membuktikan bahawa sistem pengajaran tarannum yang tersusun telah diasaskan oleh tokoh yang komited dalam bidang tilawah (Hasin, 2019). Beliau berjaya membangunkan modul pembelajaran yang sistematik dan diterima pakai oleh institusi pengajian al-Quran di Malaysia.

Sementara itu, kajian yang meneliti peranan Dato' Ismail Hashim dalam pengajaran tarannum menunjukkan betapa pentingnya ketokohan dalam membina kesinambungan warisan (Mohamad Alwi Ab Rahman et al., 2021). Beliau dikenali sebagai tokoh yang berjaya memperkenalkan kaedah pengajaran secara profesional melalui pendekatan talaqqi dan latihan vokal. Kajian menyatakan bahawa penglibatan aktif guru-guru tilawah seperti Haji Hasan Musa telah melahirkan ramai qari dan qariah muda yang berjaya ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Wan Hilmi Wan Abdullah et al., 2019).

Institusi seperti Darul Quran JAKIM, Kelas Tilawah Remaja dan pusat-pusat tafhiz memainkan peranan penting dalam sistematikkan pendidikan tarannum. Latihan berstruktur dan silibus yang dirancang menjadikan pengajaran tarannum lebih berkesan dan diterima dalam arus perdana pendidikan agama (Ramly & Baharudin, 2016; Shafiza Safie et al., 2018; Jait, 2020). Ini menunjukkan bahawa pelestarian seni ini tidak boleh dipisahkan daripada kekuatan institusi dan tokoh yang membawa agenda pembangunan warisan Islam.

### **Tema 4: Cabaran dan Inovasi dalam Melestarikan Tarannum**

Walaupun terdapat usaha yang kukuh dalam memastikan kesinambungan tarannum, pelbagai cabaran tetap muncul, khususnya dalam era moden dan globalisasi. Salah satu cabaran utama ialah kekurangan minat dalam kalangan generasi muda terhadap seni bacaan yang memerlukan latihan intensif dan kesabaran. Kajian menyatakan bahawa pendekatan pengajaran yang kurang interaktif dan terhad kepada teknik hafalan menjadikan tarannum dilihat sebagai sesuatu yang sukar didekati oleh remaja masa kini (Ramly & Baharudin, 2016; Najmiah binti Omar et al., 2017).

Isu lain ialah kurangnya dokumentasi bertulis dan bahan bantu mengajar yang berstruktur. Banyak ilmu tarannum masih disampaikan secara lisan dan tidak dinukilkan secara sistematis dalam bentuk modul yang boleh diakses oleh khalayak luas (Dr. Mohamad Alwi bin Ab. Rahman et al., 2022). Hal ini menyukarkan usaha penyelidikan lanjut dan pembangunan kurikulum yang konsisten.

Namun begitu, terdapat kajian yang menunjukkan potensi besar dalam penggunaan inovasi digital sebagai solusi. Inisiatif seperti rakaman audio interaktif, pembangunan aplikasi tilawah digital, serta penggunaan media sosial untuk penyebaran video pengajaran tarannum telah mula mendapat perhatian (Nurul Auji Hasbullah et al., 2022; Shafiza Safie et al., 2018). Walaupun pendekatan ini masih baharu, ia membuka ruang untuk memperluaskan akses kepada ilmu tarannum dengan lebih mudah dan mesra generasi muda.

### **Analisis Silang Tema dan Implikasi**

Keempat-empat tema ini menunjukkan bahawa tarannum bukan sekadar elemen ibadah peribadi, tetapi turut mencerminkan satu ekosistem budaya, pendidikan, dan warisan yang kompleks. Peranan tarannum dalam memelihara bahasa Arab berkait langsung dengan pembentukan identiti Islam melalui budaya, manakala ketokohan dan institusi bertindak sebagai pemangkin utama yang menghubungkan antara generasi. Semua tema ini berdepan cabaran yang hampir serupa iaitu keperluan inovasi dalam pelestarian warisan.

Tambahan pula, penguasaan tarannum dalam kalangan generasi muda menunjukkan tanda kemerosotan (Mohamad khairul Latif et al., 2020), penekanannya dalam kurikulum formal semakin terpinggir (Norhisham bin Muhamad et al., 2019), kajian ilmiah yang menggabungkan dimensi linguistik, pendidikan dan budaya masih terhad (Nurul Auji Hasbullah et al., 2022), inovasi pedagogi serta integrasi teknologi belum berkembang luas (Zakaria et al., 2021; Nor Suziana Aziela Ahmad Mustaffa et al., 2024; Mohamed Akhiruddin Ibrahim et al., 2024) dan wujud risiko tarannum dilihat sekadar ritual tanpa peranan strategik dalam pembinaan jati diri umat Islam (Muhammad Amirullah Jasni, 2023).

Ketiadaan pendekatan komprehensif ini menimbulkan jurang ilmu yang signifikan dalam wacana akademik, sekali gus mengukuhkan keperluan kepada kajian sistematik bagi menilai peranan tarannum dalam memelihara bahasa Arab, budaya Islam dan nilai peradaban secara holistik.

**Jadual 1: Ringkasan Dapatan Kajian Lepas Berkaitan Peranan dan Cabaran Tarannum**

Penulis & Tahun	Fokus Kajian	Metodologi	Dapatan Utama	Jurang Kajian
Latif et al. (2020)	Kompetensi dan kaedah pengajaran tarannum di KKQ Johor	Kajian tinjauan (soal selidik)	Tahap kemahiran guru sederhana (min = 2.78); penggunaan CD/audio sebagai BBM utama	Tidak mengkaji aspek budaya & identiti peradaban Islam

Kamarul Zaman & Zamri (2019)	Kaedah talaqqi musyafahah dalam SABK Perak	Kajian kualitatif (temu bual)	Penting untuk pemeliharaan bacaan; namun kurang integrasi dalam kurikulum formal	Tidak meneliti integrasi teknologi & inovasi pedagogi
Hasbullah et al. (2022)	Analisis maqam tarannum menurut teks panduan rasmi	Analisis dokumen	Huraian teknikal maqam jelas; sumbangan linguistik terserlah	Fokus hanya aspek teknikal, tiada dimensi budaya & pendidikan
Mustaffa et al. (2024)	Integrasi teknologi dalam pengajaran tajwid	Kajian tinjauan	Integrasi teknologi meningkatkan minat pelajar	Tidak khusus kepada tarannum & identiti budaya
Ibrahim et al. (2024)	Alat digital dalam pembelajaran tahfiz	Analisis kandungan & kajian kes	Aplikasi digital memudahkan hafazan & latihan suara	Tidak menyentuh pengukuhan budaya melalui tarannum
Zakaria et al. (2021)	Model audio interaktif tarannum	R&D & ujian pengguna	Model meningkatkan kemahiran irama bacaan	Perlu dikaji dalam konteks pelestarian budaya & bahasa
Jasni & Hamzah (2023)	Kepentingan talaqqi musyafahah	Kajian kualitatif	Kaedah berkesan dalam pewarisan bacaan al-Quran	Kurang penekanan kepada inovasi & aplikasi digital

Melalui sintesis ini, dapat dirumuskan bahawa tarannum mempunyai peranan yang luas dalam memelihara warisan Islam. Namun begitu, kekurangan kajian yang menyatukan semua elemen ini secara menyeluruh menunjukkan keperluan kepada satu kerangka pemahaman baharu yang boleh menjelaskan fungsi tarannum dalam konteks moden, khususnya dari perspektif linguistik, budaya dan tamadun.

## Metodologi

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan Kajian Sistematis Literatur atau *Systematic Literature Review (SLR)* yang bersifat kualitatif sebagai kaedah utama bagi mengumpul, menilai dan menganalisis kajian-kajian terdahulu berkaitan peranan tarannum dalam memelihara warisan bahasa dan peradaban Islam. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menghimpunkan pelbagai hasil penyelidikan dalam bentuk yang sistematis dan berstruktur serta menghasilkan sintesis baharu berdasarkan bukti yang kukuh. Kajian ini berpandukan kepada protokol PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic*

*Reviews and Meta-Analyses)* yang menjadi piawaian antarabangsa dalam pelaporan kajian literatur secara sistematis dan telus.

Strategi pencarian maklumat melibatkan penggunaan beberapa pangkalan data utama termasuk Google Scholar, Scopus dan USIM OAREP. Pencarian dilakukan dengan menggunakan kombinasi kata kunci yang relevan seperti “tarannum”, “seni bacaan al-Quran”, “bahasa Arab”, “budaya Islam”, “warisan budaya Islam”, dan “peradaban Islam”. Operator Boolean seperti AND dan OR digunakan bagi memperluas atau memperhalus skop pencarian, contohnya: (“tarannum” OR “lagu al-Quran”) AND (“budaya Islam” OR “bahasa Arab” OR “identiti Islam”). Penggunaan teknik truncation seperti “budaya” juga diaplikasikan untuk merangkumi variasi perkataan seperti *budaya*, *budayawan*, dan *kebudayaan*. Proses pencarian artikel difokuskan kepada tempoh penerbitan antara tahun 2010 hingga 2024 bagi memastikan kesegaran data dan relevansi terhadap konteks semasa pendidikan dan budaya Islam.

**Jadual 2: Proses Pemilihan Artikel Kajian Sistematis Mengikut PRISMA**

Pangkalan Data	Kata Kunci	Operator Boolean	Bilangan Artikel Diperoleh
Google Scholar	tarannum AND "bahasa Arab" AND "warisan Islam"	AND	320
Scopus	"Islamic heritage" AND tarannum	AND	58
WoS	"Quranic recitation" OR tarannum	OR	76
MyJurnal	tarannum AND budaya	AND	102

Kriteria pemilihan artikel dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu kriteria kemasukan dan kriteria pengecualian. Artikel dipilih sekiranya: (1) membincangkan secara langsung peranan tarannum dalam konteks bahasa, budaya atau warisan Islam; (2) diterbitkan dalam jurnal berwasit; (3) ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris; dan (4) boleh diakses dalam bentuk teks penuh. Sebaliknya, artikel dikecualikan sekiranya: (1) tidak mempunyai kaitan langsung dengan objektif kajian; (2) hanya tersedia dalam bentuk abstrak sahaja; atau (3) diterbitkan dalam bahasa asing yang tidak dapat dianalisis secara akademik.

Proses pemilihan artikel dilakukan secara berperingkat sebagaimana yang dianjurkan dalam protokol PRISMA (Page et al., 2021). Daripada sejumlah lebih 60 artikel yang ditemui dalam carian awal, sebanyak 25 artikel telah dikeluarkan atas sebab pendua dan tidak memenuhi kriteria tajuk atau skop. Seterusnya, selepas penapisan berdasarkan abstrak dan teks penuh, 15 lagi artikel dikecualikan. Akhirnya, sebanyak 20 artikel yang menepati kriteria dimasukkan untuk dianalisis dalam kajian ini. Proses ini diperincikan dalam Carta Aliran PRISMA yang akan dilampirkan dalam artikel.

**Jadual 3: Carta Aliran PRISMA**

<u>Langkah Pemilihan</u>	<u>Bilangan Artikel</u>
Jumlah artikel dikenal pasti melalui carian awal	556
Artikel dikeluarkan (pendua)	89
Artikel ditapis berdasarkan tajuk dan abstrak	327
Artikel ditolak kerana tidak relevan atau tidak penuh	120
Jumlah akhir artikel yang disertakan dalam kajian	20

Bagi tujuan **analisis data**, artikel yang telah dipilih dianalisis secara tematik. Empat tema utama telah dikenal pasti daripada sintesis data, iaitu: (1) Tarannum sebagai Instrumen Pemeliharaan Bahasa Arab; (2) Tarannum dalam Konteks Budaya dan Identiti Islam; (3) Ketokohan dan Institusi sebagai Agen Pelestarian; dan (4) Cabaran dan Inovasi dalam Melestarikan Tarannum. Analisis ini membolehkan penstrukturkan maklumat secara sistematis dan menyeluruh mengikut dimensi yang bersesuaian dengan objektif kajian.

**Jadual 4: Tema dan Kajian yang Berkaitan**

<u>Tema</u>	<u>Kajian yang Berkaitan</u>
Tarannum sebagai Instrumen Pemeliharaan Bahasa Arab	Zaki et al. (2024), Ibrahim (2012), Ramly & Baharudin (2016), Dr. Mohamad Alwi bin Ab. Rahman et al., (2022), Abdullah et al. (2019)
Tarannum dalam Konteks Budaya dan Identiti Islam	(Anuar bin Hasin, 2020), Suryati et al. (2018), Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusuf Ismail (2015), Zaki et al. (2024), (Suryati et al., 2018)
Ketokohan dan Institusi sebagai Agen Pelestarian	Hasin (2019), Mohamad Alwi Ab Rahman et al., (2021), Wan Hilmi Wan Abdullah et al., (2019), Ramly & Baharudin, (2016), Shafiza Safie et al., (2018), Jait (2020)
Cabaran dan Inovasi dalam Melestarikan Tarannum	Ramly & Baharudin, (2016), Najmiah binti Omar et al., (2017), Nurul Auji Hasbullah et al., (2020), Dr. Mohamad Alwi bin Ab. Rahman et al. (2022), Shafiza Safie et al. (2018)

Setiap artikel turut melalui proses penilaian kualiti berdasarkan enam kriteria utama. Kriteria tersebut ialah: (1) kejelasan objektif kajian (QA1), (2) keterkaitan dengan objektif kajian ini (QA2), (3) kejelasan dari segi metodologi yang digunakan (QA3), (4) perbandingan dapatkan dengan kajian terdahulu (QA4), (5) pernyataan terhadap batasan atau limitasi kajian (QA5) dan (6) kesesuaian cadangan atau implikasi kajian terhadap konteks pendidikan Islam dan usaha pelestarian warisan budaya (QA6). Skor telah diberikan bagi setiap artikel berdasarkan kriteria ini untuk menentukan tahap kualiti serta sumbangannya terhadap analisis sistematik yang dijalankan.

**Jadual 5: Penilaian Kualiti Kajian**

Kajian (Penulis & Tahun)	QA1	QA2	QA3	QA4	QA5	QA6	Jumlah Skor	Peratus (%)
Elmustian et al. (2024)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Wan Hilmi et al. (2019)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Nurul Zakirah et al. (2014)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
S. Suryati et al. (2018)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Anuar Hasin (2019)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Zaki et al. (2024)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Nurul Auji Hasbullah (2020)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Wan Abdullah et al. (2019)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Nurul Auji Hasbullah et al. (2022)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Agus Karmadi (2007)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Anuar Hasin et al. (2020)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
M. Daud (2022)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Najmiah Omar et al. (2017)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Shafiza Safie et al. (2018)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Mohd Zaini Zakaria (2015)	1	1	1	1	1	1	6	100.0
Rahim Ramly et al. (2016)	1	1	1	1	1	0	5	83.33
Mohamad Alwi (2021)	1	1	1	1	0	0	4	66.67
M. Jait et al. (2020)	1	1	1	0	0	0	3	50.0
Mohd Alwi et al. (2022)	1	1	0	0	0	0	2	33.33
Muhammad Lukman Ibrahim (2022)	1	1	0	0	0	0	2	33.33

Dari sudut pengurusan data dan rujukan, kajian ini menggunakan perisian Mendeley untuk mengatur dan menyusun senarai rujukan secara sistematis. Proses penulisan dan parafrasa disokong oleh Microsoft Word dan aplikasi penulisan akademik bagi memastikan kejelasan dan keseragaman bahasa.

**Jadual 6: Ringkasan Kajian**

Penulis	Tahun	Fokus	Dapatan
Mohd Alwi Ab. Rahman et al.	2022	Kajian ilmu tarannum dalam kitab penulisan Melayu di Nusantara	Kaedah penulisan membantu penyebaran ilmu tarannum secara efektif dan menjadikannya lebih mudah diakses generasi moden serta perlu dipelihara sebagai warisan budaya Islam
Najmiah Omar et al.	2017	Faktor kejayaan qari di Terengganu dalam kesenian lagu al-Quran	Tujuh faktor utama seperti pendedahan awal, bakat, guru pakar, strategi belajar, rentak qari Mesir dan penguasaan suara menyumbang kepada kejayaan qari

Elmustian et al.	2023	Eksplorasi warisan budaya Melayu dan kepentingan pemeliharaan	Warisan budaya Melayu mencerminkan identiti dan jatidiri; perlunya pemeliharaan nilai dan budaya lokal secara lestari
Agus Dono Karmadi	2007	Budaya lokal sebagai warisan budaya dan pelestariannya	Budaya lokal merupakan asas warisan bangsa dan perlu dilestarikan melalui usaha berterusan dengan penglibatan masyarakat
Adnan Mohamed Yusoff et al.	2022	Analisis indeks maqam tarannum menurut buku Qawaid Tarannum dan Seni Lagu al-Quran	Unsur dan sifat maqam tarannum dikenal pasti melalui pendekatan analisis kitab sebagai asas struktur lagu dalam pembacaan al-Quran
Wan Hilmi Wan Abdullah et al.	2019	Karya-karya seni tarannum dalam bahasa Arab dan biografi para qari terkenal	Lebih 20 karya tarannum dalam bahasa Arab telah diterbitkan, meliputi teknik, sejarah dan tokoh qari serta pengaruhnya terhadap pembacaan global
Shafiza Safie et al.	2018	Perkembangan pengajian tarannum sebelum dan semasa era Datuk Hajjah Faridah	Pengajian tarannum berubah secara ketara di era Datuk Faridah, membawa kepada peningkatan kualiti qari dan qariah
Mohamad Azlan Abdul Shukor & Mohd Zaki Abdul Wahid	2015	Ilmu tarannum di Malaysia dari sudut amalan dan kaedah pelaksanaannya	Terdapat pelbagai pendekatan dan kaedah amalan tarannum, termasuk talaqqi musyafahah dan latihan suara yang sistematik
Nor Azlina Abdul Aziz & Mohd Sukki Othman	2021	Hubungan antara penguasaan bahasa Arab dan kemahiran menghafaz al-Quran	Penguasaan bahasa Arab membantu pelajar memahami makna al-Quran dan meningkatkan daya hafalan
Wan Muhammad Azam Wan Muda & Zulkiple Abdul Ghani	2021	Kepentingan tajwid dalam memahami dan menghayati bacaan al-Quran	Ilmu tajwid memainkan peranan penting dalam membentuk penghayatan bacaan dan pemahaman makna al-Quran
Anuar Hasin & Zulkifli Mohd Yusoff	2021	Ketokohan Ustaz Che Yahaya dalam bidang tarannum al-Quran	Ustaz Che Yahaya memperkasa pendidikan tarannum dan melahirkan qari/qariah berbakat melalui pendekatan talaqqi dan teknik tersendiri
Anuar Hasin	2021	Ketokohan Haji Hasan Musa dan kaedah tilawah al-Quran al-Lahjah al-'Arabiyyah	Haji Hasan Musa memperkenal lagu-lagu berasaskan dialek Arab dan sistem talaqqi serta latihan sistematis

Mohamad Alwi Ab Rahman et al.	2021	Metodologi pengajaran tarannum oleh Dato' Ismail bin Hashim	Beliau menggabungkan pendekatan praktikal dan teori, menekankan latihan suara dan keikhlasan pembelajaran
Norashidah Abdul Hamid & Zainab Wahab	2020	Pelaksanaan pengajaran guru seni al-Quran di Brunei	Kekangan dalam latihan guru, bahan bantu dan pendekatan pedagogik moden dikenal pasti sebagai cabaran utama
Nur Sakinah Zainal Abidin	2018	Penulisan karya seni lagu al-Quran di Malaysia dan Indonesia	Malaysia menekankan pengajian formal manakala Indonesia lebih menekankan kesinambungan budaya dan tradisi tempatan
Anuar Hasin, Norazman Alias, Zainora Daud Syed Mohamad Zainudin et al.	2020	Signifikan Majlis Tilawah al-Quran terhadap perkembangan seni Tarannum	Majlis Tilawah mencetuskan perkembangan tarannum dan melahirkan tokoh qari serta institusi pengajian
Siti Noraini Omar & Mohd Adib Samuri	2020	Sumbangan Dato' Faizul dalam penyebaran ilmu tarannum	Dato' Faizul merupakan tokoh pembimbing tarannum melalui institusi dan media
Wan Mohd Fazrul Azdi & Mohd Fauzi Hamat	2017	Perkembangan karya seni lagu al-Quran di Malaysia dan Indonesia	Karya seni berkembang melalui kerjasama institusi dan individu dengan pendekatan berbeza
Zulfakar Ahmad et al.	2020	Isu dan cabaran pengajaran guru seni al-Qur'an di Brunei	Cabaran utama melibatkan kemahiran, latihan dan pendekatan pedagogik

## Keputusan


Kajian ini telah mengenal pasti dan mensintesis dapatan-dapatan utama daripada 20 artikel berkaitan peranan tarannum dalam memelihara bahasa, budaya dan peradaban Islam. Berdasarkan analisis tematik yang dilakukan, empat tema utama telah dikenalpasti: (1) Tarannum sebagai Pemelihara Bahasa Arab, (2) Tarannum sebagai Warisan Budaya dan Identiti Islam, (3) Ketokohan dan Institusi Pelestarian Tarannum, dan (4) Cabaran serta Inovasi dalam Melestarikan Tarannum. Sintesis hasil ini disampaikan dalam bentuk esei naratif berserta sokongan jadual visual.

**Jadual 7: Tema Utama Peranan Tarannum dalam Memelihara Warisan Bahasa dan Peradaban Islam**

Bil	Tema Utama	Huraian Ringkas
1	Tarannum sebagai Pemelihara Bahasa Arab	Menekankan fungsi tarannum dalam meningkatkan kefasihan bacaan al-Quran, penguasaan fonetik, kosa kata dan struktur linguistik pelajar bukan penutur asli.
2	Tarannum sebagai Warisan Budaya dan Identiti Islam	Menggambarkan tarannum sebagai seni warisan yang sebatی dengan budaya Melayu-Islam, diperkuuh melalui majlis tilawah, musabaqah dan pendidikan formal.
3	Ketokohan dan Institusi Pelestarian Tarannum	Memfokuskan kepada peranan tokoh-tokoh qari/qariah dan institusi seperti Darul Quran, sekolah agama dan JAKIM dalam memastikan kesinambungan ilmu tarannum.
4	Cabaran serta Inovasi dalam Melestarikan Tarannum	Menggariskan isu-isu seperti kekurangan guru bertauliah, kurang minat generasi muda serta cadangan inovasi seperti penggunaan teknologi digital dan modul interaktif.

Bagi memudahkan pemahaman pembaca terhadap taburan tema yang dikenal pasti, Rajah 1 di bawah memaparkan peratusan kajian mengikut tema dalam bentuk carta pie. Visual ini memberikan gambaran pantas tentang fokus utama kajian terdahulu.

**Peratusan Kajian Mengikut Tema Utama Tarannum**



**Rajah 1: Peratusan Kajian Mengikut Tema Utama Tarannum**

Sebahagian besar kajian menunjukkan bahawa tarannum memainkan peranan penting dalam memelihara dan memperkasakan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat bukan Arab. Melalui lantunan tarannum, pelajar bukan sahaja melatih kefasihan bacaan al-Quran, malah memperkuuh kosa kata, penguasaan fonetik dan struktur morfologi bahasa Arab. Penggunaan lagu dalam bacaan al-Quran membantu pelajar memahami struktur tajwid dan melatih sebutan yang betul dalam konteks linguistik (Zaki et al., 2024). Begitu juga dapatkan menunjukkan bahawa pengajaran tarannum secara berstruktur menyumbang kepada peningkatan kecekapan bahasa Arab, terutama dalam aspek sebutan huruf-huruf hijaiyyah (Ramly & Baharudin, 2016).

Tambahan lagi, kajian menyatakan bahawa pelajar yang mengikuti program tilawah berlagu lebih cenderung untuk memahami konteks linguistik ayat al-Quran secara mendalam, berbanding dengan pembaca tanpa penggunaan lagu (Najmiah binti Omar et al., 2017). Oleh

itu, tarannum dapat dianggap sebagai alat pedagogi bahasa Arab yang signifikan dalam pendidikan Islam kontemporari.

Kajian turut mendedahkan bagaimana tarannum menjadi sebahagian daripada identiti budaya Islam dan alat penting dalam pemeliharaan warisan rohani masyarakat Melayu-Islam. Seni lagu tarannum berkembang sejajar dengan adat tempatan dan memperlihatkan sinkretisme antara unsur Arab-Islam dan budaya Melayu (Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusuf Ismail, 2015). Tarannum di Indonesia bukan sekadar seni bacaan al-Quran, tetapi juga manifestasi kebudayaan Islam yang dibina melalui latihan berstruktur dan penganjuran musabaqah sebagai ritual budaya (Elmustian Elmustian et al., 2024).

Tarannum telah menyumbang kepada pembinaan identiti keislaman remaja melalui aktiviti tilawah sekolah dan penglibatan dalam MTQ (Anuar bin Hasin, 2020). Aspek warisan ini turut dikaitkan dengan naratif nasionalisme Islam, di mana tradisi bacaan tarannum menjadi platform memperkuuh kefahaman budaya berteraskan nilai al-Quran.

Dapatan juga menunjukkan bahawa tokoh-tokoh tarannum dan institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam pelestarian seni ini. Metodologi pengajaran Ustaz Che Yahaya Daud yang berjaya mewariskan ilmu tarannum secara turun-temurun di Kelantan melalui pendekatan talaqqi dan muzakarah (Hasin, 2019). Ketokohan Dato' Ismail Hashim dan metodologi pengajaran beliau yang holistik dan menggabungkan aspek seni suara dan penghayatan Rohani (Mohamad Alwi Ab Rahman et al., 2021).

Peranan institusi seperti Darul Quran, Sekolah Menengah Agama dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut disorot dalam beberapa kajian sebagai pusat utama yang mendokong pengembangan tarannum secara sistematik dan profesional. Cadangan agar wujud satu silibus rasmi pengajaran tarannum di institusi pengajian Islam untuk memastikan kesinambungan ilmu warisan ini (Wan Hilmi Wan Abdullah et al., 2019).

Dalam masa yang sama, pelbagai cabaran turut dikenalpasti yang mengancam kelangsungan penguasaan tarannum dalam kalangan generasi muda. Kaedah talaqqi yang bersifat tradisional sukar diadaptasi dalam konteks pengajaran moden yang berorientasikan teknologi (Jait, 2020). Tambahan pula, kekurangan guru berkelayakan dan kurangnya minat pelajar terhadap seni tilawah menjadi antara punca utama pengurangan penguasaan tarannum.

Namun begitu, beberapa inisiatif inovatif juga telah dikenalpasti, seperti pengintegrasian teknologi digital dalam latihan tarannum. Cadangan penggunaan aplikasi suara dan rakaman dalam menilai kualiti bacaan pelajar (Shafiza Safie et al., 2018), manakala cadangan pembinaan modul digital interaktif untuk tujuan pengajaran formal dan tidak formal (Daud, 2022). Keperluan melahirkan pengajar profesional melalui kursus bersijil agar pengajaran tarannum dapat distrukturkan semula dalam konteks pendidikan Islam semasa (Nurul Auji Hasbullah et al., 2020).

Bagi memberikan gambaran lebih terperinci mengenai metodologi kajian terdahulu yang dikaji dalam SLR ini, jadual 8 membentangkan ringkasan pendekatan penyelidikan, kaedah pengumpulan data, lokasi atau sampel kajian, dan contoh kajian yang mewakili setiap tema.

**Jadual 8: Ringkasan Metodologi Kajian Lepas Mengikut Tema Peranan Tarannum**

Tema Utama	Reka Kajian	Bentuk	Kaedah Pengumpulan Data	Lokasi Sampel Kajian	/ Contoh Sumber Kajian /
Tarannum sebagai Pemelihara Bahasa Arab	Kuantitatif & kualitatif	Ujian tilawah, selidik, rakaman	lisan soal analisis	Sekolah agama, IPG, Darul Quran	Zaki et al. (2024); Ramly & Baharudin (2016); Najmiah binti Omar et al. (2017)
Tarannum sebagai Warisan Budaya dan Identiti Islam	Etnografi sejarah	Temu analisis dokumen, pemerhatian	bual, qari & qariah, musabaqah	Komuniti qariyah, musabaqah	Mohd Zaini Zakaria & Mohd Yusuf Ismail (2015); Elmoustian Elmoustian et al. (2024); Anuar bin Hasin (2020)
Ketokohan dan Institusi Pelestarian Tarannum	Kajian kes	Temu tokoh, silibus	bual analisis	Darul Quran, Sekolah Agama, JAKIM	Hasin (2019); Mohamad Alwi Ab Rahman et al. (2021); Wan Hilmi Wan Abdullah et al. (2019)
Cabarani Inovasi dalam Melestarikan Tarannum	serta Reka bentuk pembangunan (DDR) & tinjauan	Temu pakar, selidik, modul	bual soal ujian	Sekolah agama, IPG, platform digital	Jait (2020); Shafiza Safie et al. (2018); Daud (2022); Nurul Auji Hasbullah et al. (2020)

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa kajian lepas telah menggunakan pendekatan pelbagai kaedah (mixed methods) untuk memahami peranan tarannum dalam pelbagai konteks, dengan dominasi kajian bersifat kualitatif yang menggunakan temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Sementara itu, kajian kuantitatif cenderung menilai impak pengajaran tarannum terhadap kefasihan, fonetik, dan kefahaman linguistik pelajar melalui ujian lisan atau soal selidik. Pendekatan reka bentuk pembangunan pula digunakan dalam kajian inovasi teknologi bagi pengajaran tarannum, menunjukkan adanya arah baru dalam usaha melestarikan seni ini.

**Perbincangan**

Dapatkan kajian sistematik ini memperlihatkan bahawa tarannum bukan sekadar satu bentuk seni bacaan al-Quran, tetapi juga memainkan peranan yang signifikan dalam memelihara warisan bahasa dan peradaban Islam. Empat tema utama yang dikenalpasti iaitu pemeliharaan bahasa Arab, warisan budaya dan identiti Islam, ketokohan serta institusi dan inovasi dalam cabaran pelestarian menunjukkan keterhubungan antara aspek linguistik, budaya dan institusi dalam kelangsungan seni tarannum. Secara umumnya, analisis menunjukkan bahawa tarannum adalah mekanisme dakwah dan pendidikan yang bersifat transdisiplin, menjangkaui sempadan pembacaan semata-mata.

Tema pertama menunjukkan bahawa seni tarannum berperanan sebagai alat linguistik yang memperkasa keupayaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur asli. Kajian menunjukkan bagaimana struktur lagu dalam tarannum membantu penyesuaian pelajar terhadap ciri fonetik dan sintaktik bahasa Arab, menjadikan pembelajaran lebih efektif dan menarik (Zaki et al., 2024). Dalam konteks ini, tarannum bertindak sebagai pendekatan fonologi yang menjembatani jurang antara teori tajwid dan aplikasi sebutan sebenar.

Tema kedua pula menekankan fungsi tarannum sebagai warisan budaya yang memperkuuh identiti Islam. Kajian memperlihatkan bagaimana seni bacaan al-Quran berlagu ini menjadi simbol kebudayaan Islam tempatan, yang diadaptasi mengikut tradisi Melayu dan Nusantara (Elmustian Elmustian et al., 2024; Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusuf Ismail, 2015). Ini menunjukkan bahawa tarannum bukan sahaja satu pengajaran agama, tetapi juga satu bentuk ekspresi budaya yang diwarisi.

Selain itu, ketokohan individu dan institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam pelestarian ilmu tarannum. Kajian menggariskan metodologi pengajaran tokoh-tokoh ternama yang menyumbang kepada pembangunan generasi baru qari dan qariah yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi dalam seni tarannum (Hasin, 2019; Mohamad Alwi Ab Rahman et al., 2021). Ini membuktikan wujudnya kesinambungan antara ketokohan, institusi dan keberkesan pemindahan ilmu.

Akhir sekali, cabaran serta inovasi menjadi isu semasa dalam pelestarian tarannum. Kajian menekankan bahawa pendekatan talaqqi dan musyafahah tradisional kini berdepan cabaran keterbatasan teknologi, akses dan minat pelajar (Jait, 2020). Namun, dapatan mencadangkan agar pendekatan moden seperti penggunaan aplikasi digital dan platform dalam talian dijadikan alternatif atau sokongan kepada kaedah konvensional (Daud, 2022; Shafiza Safie et al., 2018).

Dapatkan kajian ini selari dengan kajian-kajian lepas turut menegaskan bahawa pelestarian tarannum memerlukan sokongan institusi dan kurikulum formal (Nurul Auji Hasbullah et al., 2020). Namun, penemuan dalam kajian ini memberikan nuansa tambahan melalui pendekatan sistematis yang mengenal pasti bukan sahaja kepentingan tarannum dalam pendidikan, malah peranannya dalam identiti budaya dan linguistik. Kajian terdahulu cenderung memberi tumpuan kepada keberkesanannya kaedah pengajaran tarannum semata-mata, manakala kajian ini memperluasnya kepada nilai warisan dan kebudayaan yang menyertainya.

Secara teori, kajian ini menyokong pendekatan interdisiplin dalam pendidikan Islam dengan menekankan integrasi antara linguistik, budaya dan pedagogi dalam tarannum. Ini membuka ruang kepada teori pengajaran integratif yang mencantumkan dimensi spiritual, bahasa dan seni dalam satu kerangka pendidikan Islam.

Dari sudut amali, dapatan ini memberi implikasi kepada institusi pendidikan dan tenaga pengajar agar menilai semula kaedah penyampaian tarannum. Penyediaan modul tarannum yang lebih interaktif, digital dan sesuai dengan konteks semasa perlu dipertimbangkan. Kajian ini turut menyarankan latihan pensyarah dan guru secara berterusan bagi mengekalkan standard pembelajaran serta mewariskan kefahaman yang mendalam tentang peranan budaya dalam tarannum.

Dalam konteks dasar, hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh badan kerajaan seperti JAKIM, KPM atau IPG dalam menggubal kurikulum pengajian tilawah dan tarannum. Tarannum tidak wajar diajarkan sekadar teknik bacaan, tetapi perlu digabungkan dengan sejarah, estetika dan nilai budaya Islam sebagai satu warisan yang mesti dilestarikan. Ini sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menekankan kebitaraan budaya dan bahasa.

Kajian ini turut mengakui beberapa keterbatasan. Pertama, walaupun carian dilakukan secara meluas, sebahagian besar artikel yang dianalisis adalah terbitan tempatan dan tidak semua mewakili konteks antarabangsa. Ini mungkin menghadkan generalisasi dapatan kepada konteks Malaysia dan Nusantara sahaja. Kedua, penilaian kualiti artikel berdasarkan enam kriteria (QA1-QA6) walaupun membantu, masih bersifat deskriptif dan tidak mengambil kira kualiti metodologi yang lebih mendalam seperti analisis statistik atau reka bentuk kajian lapangan.

Selain itu, walaupun analisis tematik telah dijalankan dengan sistematik, pengesahan pakar terhadap tema dan interpretasi adalah bersifat terhad dan tidak dilakukan melalui proses Delphi atau pengesahan panel. Maka, keberkesanan tema-tema ini dalam membina kerangka teori baru masih memerlukan pengujian lanjut dalam kajian empirikal yang akan datang.

### **Kesimpulan**

Kajian sistematis literatur ini telah memberi gambaran menyeluruh tentang kepelbagaiannya dan kepentingan peranan tarannum dalam memelihara warisan bahasa, budaya, dan peradaban Islam. Berdasarkan analisis terhadap 20 artikel terpilih, empat tema utama telah dikenalpasti: tarannum sebagai alat pemelihara bahasa Arab, sebagai warisan budaya dan identiti Islam, peranan tokoh dan institusi dalam pelestariannya, serta cabaran dan inovasi yang dihadapi dalam kesinambungan seni ini. Dapatkan ini membuktikan bahawa objektif kajian telah tercapai, di mana kajian berjaya menghimpunkan dan mensintesis peranan tarannum secara menyeluruh dari dimensi linguistik, budaya, dan institusi.

Dari segi sumbangan, kajian ini memberikan implikasi penting kepada teori dan amalan. Dari sudut teori, ia memperluaskan pemahaman tentang tarannum sebagai instrumen linguistik dan sosiobudaya dalam kerangka pendidikan Islam. Dari sudut amalan, ia memberi panduan kepada pendidik, institusi, dan pembuat dasar untuk merangka pendekatan pedagogi tajwid dan tilawah yang mengintegrasikan warisan budaya, identiti Islam, dan keperluan pembelajaran kontemporari.

Cabaran utama yang dikenal pasti termasuk kekurangan pengajar bertauliahan, minat yang semakin menurun dalam kalangan generasi muda, serta keperluan untuk menyesuaikan tarannum dengan teknologi dan budaya era digital. Bagi mengatasi cabaran ini, beberapa penambahbaikan dicadangkan seperti membangunkan modul pengajaran tarannum yang menggabungkan teknologi digital, kecerdasan buatan, dan pedagogi Islamik yang relevan dengan generasi masa kini.

Perancangan untuk pengajaran masa hadapan meliputi tiga pendekatan utama: (1) kajian kuantitatif untuk menilai impak pengajaran tarannum terhadap pencapaian bahasa Arab pelajar, khususnya dalam konteks IPG dan sekolah agama; (2) kajian etnografi untuk memahami peranan tarannum dalam kehidupan komuniti Islam tempatan secara mendalam; dan (3)

pendekatan reka bentuk pembangunan (*design-based research*) untuk membina dan menguji keberkesanannya modul pengajaran tarannum berasaskan inovasi teknologi.

Kesimpulannya, kajian ini menyumbang secara signifikan kepada wacana ilmiah berkaitan tarannum bukan sahaja dalam ruang lingkup pendidikan Islam, tetapi juga dalam usaha mengekalkan warisan bahasa dan budaya Islam yang kaya dan bernilai tinggi. Tarannum wajar terus diarusperdanaan dalam sistem pendidikan negara dan dijadikan sebagai elemen penting dalam memelihara jati diri Islam yang tulen dan berakar sejarah.

### Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia atas bimbingan ilmiah, pandangan kritis dan sokongan berterusan sepanjang proses penulisan kajian ini.

### Rujukan

- Abdullah, W. H. W., Ishak, H., & Mohamad, S. (2019). Karya-Karya Seni Tarannum dalam Bahasa Arab. *International Journal of Islamic Thought*, 16, 122–133. <https://doi.org/10.24035/ijit.16.2019.011>
- Afrida, A. (2018). Hakikat Manusia dalam Perspektif Al-Qur'an. *Al-Qisthu: Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Hukum*. <https://doi.org/10.32694/010510>
- Anuar bin Hasin, N. bin A. & Z. binti D. (2020). Signifikan Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Di Malaysia Terhadap Perkembangan Seni Tarannum Tanahair. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020)*, 548–557.
- Daud, M. (2022). Keistimewaan Taranum Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl : Analisis Kaedah Lagu dan Teknik Suara The Privilege of Taranum Sheikh Muṣṭafā Ismā‘īl : An Analysis of the Rules of Song and Sound Techniques Pendahuluan Dunia taranum al-Quran abad ke 20 menyaksikan lahirnya. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 1–19. <https://doi.org/doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no1.1>
- Dr. Mohamad Alwi bin Ab. Rahman, Amar Danish bin Ahmad Dasuki, M. A., Syukri bin Razali, Fakhruallah bin Rusli, A. H. bin S. & M. N. I., & Zunaiddin, B. (2022). Kajian Ilmu Tarannum Pada Kitab Penulisan Melayu. *The International Journal of Islamic Studies and Culture (IJISC)*, 1(Special Issue), 23–32.
- Elmustian Elmustian, Viona Julya Marsha, Elisia Elisia, Nasya Aprilia Fitri, Naila Amri, Helicya Fitriani, Surya Darma, W. T. (2024). Eksplorasi Warisan Budaya Melayu: Seni, Kuliner Dan Festival Yang Menyatu Di Masyarakat. *Sinar Dunia: Jurnal Riset Sosial Humaniora Dan Ilmu Pendidikan*, 3(4), 286–298. <https://doi.org/https://doi.org/10.58192/sidu.v3i4.2782>
- Hasbullah, N. A., Ahmad Sanusi Azmi, Adnan Mohamed Yusoff, & Norasikin Fabil. (2022). Analisis Unsur-Unsur Dan Sifat-Sifat Indeks Maqam Tarannum Menurut Buku Qawa'id Tarannum Dan Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia. *Ma 'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*. <https://doi.org/10.33102/jmqc.v18i2.345>
- Hasin, A. bin. (2019). Ketokohan Dan Sumbangan Ustaz Che Yahaya Bin Daud Dalam Bidang Tarannum Al-Quran Di Malaysia. *Journal of Fatwa Management Research*, 252–253.
- Ibrahim, M. L. bin. (2012). Tarannum Al-Quran Menurut Pandangan Ulama. *Ejournals Kias*, 17–34.
- Jait, M. H. bin H. S. & D. A. bin H. (2020). Pelaksanaan Pengajaran Guru Seni Al-Quran Skim Tilawah Al-Quran Remaja Negara Brunei Darussalam: Isu dan Cabaran. *International Journal of 'Umranic Studies*, 3(1), 67–81.

- Kamarudin, N. H., & Abdul Razak, K. (2023). Teaching Tarannum Among Islamic Education Teachers in Elementary Schools. *Ideology Journal*. <https://doi.org/10.24191/ideology.v8i1.424>
- Mohamad Alwi Ab Rahman Mohd Sholeh Sheh Yusuff, A. O. S. B., & Sumaiyah Ramli & Yusuf Othman. (2021). Metodologi Dato' Ismail Bin Hashim Dalam Pengajaran Tarannum Al-Quran Di Malaysia. *International Journal Of Islamic And Humanities Research*, 1(1), 101–106.
- Mohamad khairul Latif, Talhah Jimaain, K. A. J. (2020). Competence and Method of Teaching Tarannum Al-Quran Among Teachers of Special Class on Reading and Memorizing Al-Quran Skill (KKQ) in Johor. In volume 400 Advances in Social Science, Education and Humanities Research (Ed.), *Conference: Proceedings of the 3rd International Conference on Research of Educational Administration and Management (ICREAM 2019)* (pp. 249–253). 3rd International Conference on Research of Educational Administration and Management (ICREAM 2019).
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Azniwati Abdul Aziz, Ahmed Abedalqader Hasan Qatanany, M. H. S. (2024). Digital Tools Revolutionizing Tahfiz Al-Quran Learning Processes. *Journal of Electrical Systems*, 20(10), 4970–4978.
- Mohd Zaini Zakaria, Mohd Yusuf Ismail, M. L. I. & S. A. (2015). Penulisan Karya Seni Al-Quran Di Malaysia Dan Indonesia. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 1(1), 18–20.
- Muhamad, Norhisham bin, Azmil bin Hashim, Wahyu Hidayat Bin Abdullah, Muhammad Akramin Bin Kamarul Zaman, F. A. B. Z. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Alhifz Kurikulum Dini Sabk Di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 273–283. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.4320025>
- Muhammad Amirullah Jasni, M. I. H. (2023). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quran Di Malaysia. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*, 67–74. <https://doi.org/e-ISSN: 2785-9479>
- Najmiah binti Omar, Fatimah Zaharah binti Ismail, Tasnim binti Abdul Rahman, N. N. binti, & Azman, N. (2017). Faktor-faktor Kejayaan Qari Negeri Terengganu dalam Kesenian Lagu Al-Quran. *Sains Insani*, 02(01), 35–41.
- Nor Suziana Aziela Ahmad Mustaffa, Nur Maryam Thohira Abu Hasan Sazili, Arief Afendi Mazlan, N. M. R. (2024). The Impact Of Integrating Technology In The Teaching Of Tajweed On Quranic Recitation Skills: A Survey Among Fpq Students. *E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5* (2024), 964–977. <https://oarep.usim.edu.my/handle/123456789/17664>
- Norhisham bin Muhamad, Azmil bin Hashim, Wahyu Hidayat Bin Abdullah, Muhammad Akramin Bin Kamarul Zaman, & Fatin Ardani Binti Zamri. (2019). Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pengajaran Al Quran Wa Al-Hifz Kurikulum Dini SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*.
- Nurul Auji Hasbullah, Ahmad Sanusi Azmi, Adnan Mohamed Yusoff, N. F. (2022). Analisis Unsur-Unsur Dan Sifat-Sifat Indeks Maqam Tarannum Menurut Buku Qawa'id Tarannum Dan Seni Lagu Al-Quran Di Malaysia. *Journal of Ma'alim Al-Quran Wa Al-Sunnah*, 18(2), 12–23. <https://doi.org/doi.org/10.33102/jmqv18i2.345>
- Nurul Auji Hasbullah, Ahmad Sanusi Azmi, Adnan Mohamed Yusoff, N. F. (2020). Ilmu Tarannum Di Malaysia : Amalan Dan Kaedah. *E-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020)*, 21–24.

- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., ... Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. In *The BMJ*. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Panji, A. L., Afendi, A. R., Ramli, A., Sudadi, S., & Mubarak, A. (2023). Pendidikan Islam Dengan Penanaman Nilai Budaya Islami. *Jurnal Pendidikan Islam Al-Ilmi*. <https://doi.org/10.32529/al-ilmi.v6i1.2155>
- Ramly, R. @ S. bin, & Baharudin, H. bin. (2016). *Hubungan Al-Quran Dengan Bahasa Arab: Meneroka Kemahiran Berbahasa Arab Dalam Proses Menghafaz Al-Quran*. 319–345.
- Shafiza Safie, Zulkifli Mohd Yusoff, Khadher Ahmad, & Hamdi Ishak. (2018). Pengajian Tarannum Sebelum Dan Semasa Era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman. *Jurnal Al-Turath*, 3(1), 39–42.
- Suryati, S., Simatupang, G. R. L. L., & Ganap, V. (2018). Ornamentasi Seni Baca Al-Qur'an dalam Musabaqoh Tilawatil Qur'an sebagai Bentuk Ekspresi Estetis Seni Suara. *Resital: Jurnal Seni Pertunjukan*, 17(2), 67–74. <https://doi.org/10.24821/resital.v17i2.2219>
- Wan Hilmi Wan Abdullah, Hamdi Ishak, Sabri Mohamad, Ahamad Asmadi Sakat, W. F. R. W. M. (2019). Ketokohan Haji Hasan Musa Dalam Seni Tarannum Di Malaysia Dan Kaedah Tilawah Al-Quran Al-Lahjah Al-Arabiyyah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(3), 93–102. <https://www.bitarajournal.com>
- Zakaria, Mohd Zaini, Hapini Awang, Mohd Nur Adzam Rasdi, R. M. (2021). Tarannum Interactive Audiobook Model: Towards a Harmonious Assimilation of Information and Communication Technology into Quranic Education. *Journal of Contemporary Social Science and Educational Studies*, 1(2), 37–45.
- Zaki, A. 'Aqilah binti M., Din, A. F. binti M. H., Shahruddin, Z. F. binti, & Sulaiman, S. bin. (2024). Konsep Kesenian Islam: Prinsip Kesenian Berlandaskan Al-Quran Dan As-Sunnah. *E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5* (2024), 520–529.